

Mahathir - Wawasan

EMBARGO: Untuk Siaran Selepas 10 malam ini (2 Sept)

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju 30 tahun dari sekarang, bukanlah harapan beliau seorang tetapi merupakan cetusan hati seluruh bangsa Malaysia.

Dalam soal ini, kata Perdana Menteri, beliau sekadar menjadi +lidah+ untuk menyuarakan keinginan rakyat menjadi bangsa yang maju dan dihormati.

+Saya cuma menyuarakan, pada pendapat saya, pandangan umum. Saya yakin semua rakyat inginkan kemajuan, ingin menjadi sebuah negara yang maju,+ katanya dalam rancangan Wawancara +Bersama Perdana Menteri+ selama hampir sejam yang disiarkan melalui TV1 RTM malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata jika seseorang yang tidak mempunyai tempat atau kedudukan menyatakan sendiri hasrat, pandangan atau wawasannya, maka ianya tidak akan mendapat perhatian.

Dalam rancangan itu, Datuk Seri Dr Mahathir diwawancara oleh Fellow Kanan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Encik Rustam A. Sani, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu (M) Bhd, Encik Zainuddin Maidin dan Profesor Madya Dr Ishak Shari dari Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. -- Lagi

♥02/09/20-43MST

aab

Mahathir - Wawasan 2 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Penjelasan Datuk Seri Dr Mahathir tentang Wawasan 2020 itu ialah sebagai jawapan kepada soalan yang menyebut bahawa ada orang beranggapan yang ianya sebenarnya +wawasan Mahathir dan bukannya wawasan bangsa Malaysia+.

Perdana Menteri berkata sekiranya kerajaan tidak menyuarakan hasrat rakyat seperti itu, maka ianya tidak menjadi sesuatu yang menarik perhatian semua pihak yang terlibat dalam pembangunan negara.

+Jadi saya cuma menyatakan apa yang saya yakin terdapat di kalangan semua rakyat, bukan saya seorang,+ katanya.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, terpulanglah kepada sesiapa sahaja untuk membuat tafsiran sama ada wawasan tersebut merupakan wawasan beliau atau wawasan Malaysia.

Kepada soalan tentang mengapa 1991 dipilih sebagai tahun untuk mencetuskan wawasan itu, beliau berkata idea mengenai Wawasan 2020 dicetuskan pada tahun ini kerana negara sedang memulakan satu rancangan jangka panjang yang baru selepas tamatnya tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Datuk Seri Dr Mahathir juga yakin pemimpin yang bakal menggantikan beliau akan meneruskan usaha mencapai matlamat itu walaupun caranya mungkin berbeza. -- Lagi

♥02/09/21-06MST

aab

Mahathir - Wawasan 3 Kuala Lumpur (EMBARGO).

Katanya jentera untuk mencapai matlamat itu telahpun disusun dan semua anggota kabinet bersetuju dan faham mengenai cara-cara menjayakan Wawasan 2020.

+Saya tidak fikir sesiapa yang mengambil alih akan menukar matlamat ini daripada 2020, mungkin kepada tahun 3000, atau daripada hendak jadi negara maju, kepada menjadi negara mundur,+ katanya.

Mengenai kebimbangan berlakunya konflik sosial setelah menjadi negara perindustrian, Perdana Menteri berkata perkara itu tidak dapat dielakkan walau apa sekalipun keadaan sesuatu masyarakat.

Katanya masyarakat yang miskin dan mundur juga mempunyai masalah sosial, malah lebih besar hinggakan mereka menjadi golongan yang dihina oleh dunia.

+Sekurang-kurangnya rakyat Malaysia boleh merancang dari sekarang dan cuba mengelakkan masalah sosial yang akan timbul berdasarkan pengalaman negara-negara lain yang telah melalui proses seperti ini,+ katanya. -- Lagi

♥02/09/21-07MST

BH593

R GB 02-09 00164

aab

Mahathir - Wawasan 4 Kuala Lumpur

+Dan kalau kita bijak, kita dapat menyedarkan rakyat tentang masalah ini dan cara-cara mengelakkannya, mungkin kita tidak akan menghadapi masalah sosial yang begitu ketara seperti yang terdapat dalam masyarakat Barat yang mana mereka sudah hilang nilai-nilai moral, sudah tidak menghargai lagi kekeluargaan, perkahwinan dan lain-lain,+ katanya.

Beliau berkata takrif negara maju bagi Malaysia ialah negara yang bermaruah, yang bermoral tinggi, yang mempunyai etika yang baik dan nilai-nilai lain yang boleh menentukan sesuatu masyarakat itu +tidak hilang daratan+.

+Ini kita perlu tentukan dari sekarang sebelum kita tergoda dengan kekayaan kita,+ katanya.

Perdana Menteri berkata negara perlu memberi penekanan kepada industri kerana ia boleh mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak berbanding dalam bidang pertanian.

Beliau memberi contoh sebuah kilang yang didirikan di atas seekar (0.4 hektar) tanah boleh memberi peluang pekerjaan kepada 500 orang berbanding dengan seekar sawah padi yang mungkin boleh diusahakan oleh seorang sahaja.

-- Lagi

♥02/09/21-14MST

aab

Mahathir - Wawasan 5 Kuala Lumpur

Katanya, dengan bilangan penduduk sebanyak 18.3 juta, Malaysia menyediakan 300,000 peluang pekerjaan setahun.

Mengenai kemiskinan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata matlamat utama kerajaan ialah untuk mengurangkan kemiskinan mutlak dan dalam hal ini, pencapaian negara adalah lebih baik berbanding negara maju.

Perdana Menteri juga mengingatkan rakyat tentang pentingnya nilai-nilai kekeluargaan dipertahankan, kerana menurutnya, Malaysia akan menjadi sebuah +negara-kebajikan+ sekiranya nilai-nilai itu telah lupus.

Katanya, kerajaan boleh memberi bantuan kebajikan berupa elaun kepada golongan miskin, tua dan cacat tetapi tidak berupaya memberi kasih sayang.

+Kita cuma beri duit sahaja, tetapi tidak ada perasaan. Tetapi keluarga, mereka bukan sahaja membantu tetapi memberi perasaan kesayangan, dan ini amat penting sekali kepada orang yang tua ataupun cacat,+ katanya.

-- Bernama